



KENYATAAN MEDIA KERAJAAN NEGERI PERLIS

WAKTU OPERASI SEKTOR DAN PREMIS

Kerajaan Negeri telah mengambilkira beberapa perkara yang perlu disesuaikan dengan keperluan di Negeri Perlis berlandaskan perbincangan Mesyuarat Majlis Keselamatan Negeri dan cadangan daripada Majlis Perbandaran Kangar;

Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan sedikit kelonggaran kepada beberapa premis perniagaan di Negeri Perlis sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang akan **berkuatkuasa mulai 7 April 2020 (Selasa) sehingga 14 April 2020 (Selasa)**;

Sehubungan dengan itu, terdapat pengubahsuaian waktu operasi bagi sektor dan premis berikut yang berbeza daripada negeri-negeri lain yang akan dilaksanakan mulai 7 April 2020 (Selasa) sehingga 14 April 2020 (Selasa) iaitu ;

- I. Pasar Borong **(4.00 pagi - 8.00 pagi)**
- II. Pasar Basah **(7.00 pagi - 1.00 petang)**
- III. Stesen Minyak (Pam Minyak dan Kedai Serbaneka)
(7.00 pagi - 8.00 malam)

Manakala bagi sektor dan premis lain daripada yang tersebut seperti di atas, adalah tertakluk kepada waktu operasi di bawah ketetapan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Semua pemilik premis perlu melaksanakan kawalan Penjarakkan Sosial (*Social distancing*) seperti yang disediakan panduannya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di premis masing-masing.

Semua kenyataan rasmi Kerajaan Negeri Perlis hanya dipaparkan di portal rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis untuk rujukan awam (www.perlis.gov.my).

KERAJAAN NEGERI PERLIS

6 April 2020